

D.R. 30/2014

**RANG UNDANG-UNDANG TEKNOLOGIS DAN
JURUTEKNIK 2014**

SUSUNAN FASAL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Fasal

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Ketidakpakaian

BAHAGIAN II

LEMBAGA TEKNOLOGIS MALAYSIA

4. Penubuhan Lembaga Teknologis Malaysia
5. Fungsi Lembaga
6. Kuasa Lembaga
7. Perwakilan fungsi dan kuasa Lembaga
8. Keanggotaan Lembaga
9. Meterai perbadanan
10. Tempoh jawatan
11. Elaun
12. Pembatalan pelantikan dan peletakan jawatan
13. Pengosongan jawatan
14. Jadual
15. Penzahiran kepentingan

BAHAGIAN III

PENDAFTARAN TEKNOLOGIS DAN JURUTEKNIK

16. Perkhidmatan teknikal dan perkhidmatan teknologi
17. Daftar
18. Pelantikan dan kewajipan Pendaftar
19. Teknologis Profesional

Fasal

20. Juruteknik Bertauliah
21. Pendaftaran Teknologis Berijazah dan Teknologis Profesional
22. Pendaftaran Juruteknik Berkelayakan dan Juruteknik Bertauliah
23. Permohonan bagi pendaftaran
24. Perakuan pendaftaran
25. Pembaharuan pendaftaran
26. Pemberitahuan pertukaran alamat

BAHAGIAN IV

PENGgantungan, Pembatalan Pendaftaran, DSB.

27. Penggantungan dan pembatalan pendaftaran
28. Pemotongan daripada Daftar
29. Perakuan hendaklah dikembalikan
30. Kemasukan semula

BAHAGIAN V

KEWANGAN

31. Kumpulan Wang Lembaga Teknologis Malaysia
32. Perbelanjaan yang hendaklah dipertanggungkan pada Kumpulan Wang
33. Perbelanjaan dan penyediaan anggaran
34. Pemeliharaan Kumpulan Wang
35. Akaun bank
36. Kuasa untuk meminjam
37. Pelaburan
38. Tatacara kewangan
39. Tahun kewangan
40. Akaun dan laporan

BAHAGIAN VI

AM

41. Alasan bagi rayuan
42. Lembaga Rayuan
43. Tempoh jawatan anggota Lembaga Rayuan

Fasal

44. Rayuan
45. Jawatankuasa Penyiasat dan kuasanya
46. Penalti kerana memperoleh pendaftaran dengan dakwaan palsu, dsb.
47. Indemniti
48. Pekhidmat awam
49. Obligasi kerahsiaan
50. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan

JADUAL

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Lembaga Teknologis Malaysia dan bagi pendaftaran dan pengiktirafan Teknologis Profesional dan Juruteknik Bertauliah dalam memberikan perkhidmatan teknologi dan perkhidmatan teknikal dan bagi perkara yang berkaitan.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Teknologis dan Juruteknik 2014.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Daftar” ertinya daftar yang disimpan dan disenggara di bawah seksyen 17;

“Juruteknik Berkelayakan” ertinya seseorang yang didaftarkan di bawah subseksyen 22(2);

“Juruteknik Bertauliah” ertinya seseorang yang didaftarkan di bawah subseksyen 22(4);

“kemahiran” ertinya suatu kebolehan yang diperoleh dan diamalkan untuk menjalankan sesuatu tugas atau kerja dengan kompeten;

“Kumpulan Wang” ertinya Kumpulan Wang Lembaga Teknologis Malaysia yang ditubuhkan di bawah seksyen 31;

“Lembaga” ertinya Lembaga Teknologis Malaysia yang ditubuhkan di bawah subseksyen 4(1);

“Menteri” ertinya Menteri yang pada masa ini dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi perkara yang berkenaan dengan sains, teknologi dan inovasi;

“orang berdaftar” ertinya Teknologis Profesional, Teknologis Berijazah, Juruteknik Bertauliah dan Juruteknik Berkelayakan;

“Pendaftar” ertinya Pendaftar Teknologis yang dilantik di bawah subseksyen 18(1);

“perkhidmatan teknikal” dan “perkhidmatan teknologi” ertinya perkhidmatan yang ditentukan oleh Lembaga di bawah seksyen 16;

“Teknologis Berijazah” ertinya seseorang yang didaftarkan di bawah subseksyen 21(2);

“Teknologis Profesional” ertinya seseorang yang didaftarkan di bawah subseksyen 21(4).

Ketidakpakaian

3. (1) Peruntukan Akta ini hendaklah menjadi tambahan kepada, dan tidak mengurangkan, peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain yang berhubungan dengan pendaftaran profesional.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), peruntukan Akta ini tidak terpakai bagi profesional yang berdaftar di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain yang berkuat kuasa pada masa Akta ini berkuat kuasa yang berhubungan dengan pendaftaran profesional.

BAHAGIAN II**LEMBAGA TEKNOLOGIS MALAYSIA****Penubuhan Lembaga Teknologis Malaysia**

4. (1) Suatu pertubuhan perbadanan yang dikenali sebagai “Lembaga Teknologis Malaysia” ditubuhkan.

(2) Lembaga adalah kekal turun temurun dan mempunyai meterai perbadanan.

(3) Lembaga boleh membawa guaman dan dibawa guaman terhadapnya atas namanya.

(4) Tertakluk kepada dan bagi maksud Akta ini, Lembaga boleh, atas apa-apa terma yang difikirkannya patut—

- (a) membuat kontrak;
- (b) memperoleh, membeli, mengambil, memegang dan menikmati apa-apa jenis harta alih dan harta tak alih;
- (c) dari semasa ke semasa meminjam atau mendapatkan wang melalui overdraf bank atau selainnya bagi maksud yang dinyatakan dalam perenggan (b); dan
- (d) memindahkan, menyerahkan, menyerahkan balik, memulangkan, menggadaikan, menggadaikan, mendemiskan, memajukan, menyerahkan semula, memindahkan hakmilik, atau selainnya melupuskan, atau membuat apa-apa urusan dengan, apa-apa harta alih atau harta tak alih atau apa-apa kepentingan yang terletak hak pada Lembaga.

Fungsi Lembaga

5. Lembaga hendaklah mempunyai fungsi yang berikut:

- (a) untuk mengiktiraf Teknologis Profesional dan Juruteknik Bertauliah sebagai profesional;
- (b) untuk menyimpan dan menyenggara Daftar di bawah seksyen 17;
- (c) untuk menyediakan kemudahan bagi menggalakkan pendidikan dan latihan dan untuk mengadakan atau menyebabkan supaya diadakan, program pembangunan profesional bagi orang berdaftar untuk meningkatkan lagi pengetahuan mereka yang berhubungan dengan profesion mereka;
- (d) untuk menjalankan penilaian atau menyebabkan supaya penilaian dijalankan oleh institusi yang diluluskan oleh Lembaga bagi maksud penerimaan masuk ke dalam profesion;
- (e) untuk menentukan dan mengawal selia kelakuan dan etika profesion teknologis dan juruteknik; dan
- (f) secara amnya, untuk menjalankan segala tindakan dan melakukan segala benda sebagaimana yang didapati perlu oleh Lembaga untuk melaksanakan peruntukan Akta ini.

Kuasa Lembaga

6. (1) Lembaga boleh melakukan segala benda yang perlu atau suai manfaat bagi, atau berkaitan dengan, pelaksanaan fungsinya di bawah Akta ini.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), Lembaga boleh—

- (a) meluluskan atau menolak permohonan bagi pendaftaran di bawah Akta ini atau meluluskan apa-apa permohonan tertakluk kepada apa-apa syarat atau sekatan sebagaimana yang difikirkannya patut untuk dikenakan;

- (b) mengenakan fi atau apa-apa caj lain sebagaimana yang difikirkannya patut yang ditetapkan oleh peraturan-peraturan dalam pelaksanaan fungsinya dan penjalanan kuasanya;
- (c) membayar elaun dan perbelanjaan lain anggota Lembaga, majlis dan jawatankuasa;
- (d) mengambil kerja apa-apa bilangan pekerja sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Lembaga atas apa-apa terma dan syarat perkhidmatan sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga bagi melaksanakan maksud Akta ini;
- (e) membayar saraan, elaun dan faedah lain kepada pekerja;
- (f) melantik jawatankuasa yang terdiri daripada orang yang ditentukan oleh Lembaga untuk membantu Lembaga dalam menjalankan fungsinya;
- (g) menubuhkan majlis bagi menilai jaminan kualiti program dalam bidang teknologi;
- (h) melantik mana-mana orang untuk mewakili Lembaga dalam apa-apa jawatankuasa, panel atau institusi yang orang itu kemudiannya membuat syor kepada Lembaga mengenai semua perkara yang berhubungan dengan kelayakan bagi penerimaan masuk ke dalam profesion; dan
- (i) membatalkan pendaftaran mana-mana orang berdaftar atau memotong daripada Daftar, atau memasukkan semula ke dalam Daftar, nama mana-mana orang berdaftar.

Pewakilan fungsi dan kuasa Lembaga

7. (1) Lembaga boleh, secara bertulis, mewakilkan mana-mana fungsi dan kuasanya, selain kuasa dalam perenggan 6(2)(g) kepada—

- (a) seseorang anggota Lembaga;
- (b) suatu jawatankuasa yang dilantik di bawah perenggan 6(2)(f); dan
- (c) suatu majlis yang ditubuhkan di bawah perenggan 6(2)(g).

(2) Mana-mana orang, jawatankuasa atau majlis yang diwakilkan dengan fungsi atau kuasa sedemikian hendaklah terikat untuk mematuhi dan mengambil kira semua syarat dan sekatan yang dikenakan oleh Lembaga dan semua kehendak, tatacara dan perkara yang dinyatakan oleh Lembaga.

(3) Mana-mana fungsi dan kuasa yang diwakilkan di bawah seksyen ini hendaklah dilaksanakan dan dijalankan atas nama dan bagi pihak Lembaga.

(4) Perwakilan di bawah seksyen ini tidaklah menghalang Lembaga daripada melaksanakan atau menjalankan sendiri pada bila-bila masa mana-mana fungsi dan kuasa yang diwakilkan itu.

Keanggotaan Lembaga

8. (1) Lembaga hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut yang hendaklah dilantik oleh Menteri:

(a) seorang Presiden yang hendaklah merupakan seorang Teknologis Profesional berdaftar; dan

(b) tidak lebih daripada lapan belas orang anggota lain yang—

(i) sekurang-kurangnya seorang tetapi tidak lebih daripada lima orang yang hendaklah merupakan Teknologis Profesional atau Juruteknik Bertauliah berdaftar yang bekerja dalam perkhidmatan awam Persekutuan;

(ii) sekurang-kurangnya seorang tetapi tidak lebih daripada dua orang yang hendaklah merupakan Teknologis Profesional atau Juruteknik Bertauliah berdaftar yang bekerja dalam perkhidmatan mana-mana pihak berkuasa tempatan atau pihak berkuasa berkanun;

(iii) sekurang-kurangnya seorang tetapi tidak lebih daripada lima orang yang hendaklah merupakan Teknologis Profesional atau Juruteknik Bertauliah berdaftar yang bekerja dalam sektor swasta;

- (iv) sekurang-kurangnya seorang tetapi tidak lebih daripada lima orang anggota organisasi yang mewakili bidang teknologi yang berkaitan dan menggalakkan kemajuan bidang teknologi;
- (v) sekurang-kurangnya seorang tetapi tidak lebih daripada lima orang yang hendaklah merupakan Teknologis Profesional berdaftar dalam perkhidmatan institusi pengajian tinggi;
- (vi) sekurang-kurangnya seorang tetapi tidak lebih daripada lima orang yang hendaklah merupakan Juruteknik Bertauliah berdaftar dalam perkhidmatan institusi latihan kemahiran; dan
- (vii) sekurang-kurangnya seorang tetapi tidak lebih daripada tiga orang daripada kalangan lembaga profesional lain yang berkaitan.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), Lembaga yang pertama hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut yang hendaklah dilantik oleh Menteri:

- (a) seorang Presiden yang hendaklah merupakan seorang yang layak untuk didaftarkan sebagai Teknologis Profesional berdaftar; dan
- (b) tidak lebih daripada lapan belas orang anggota lain yang—
 - (i) sekurang-kurangnya seorang tetapi tidak lebih daripada lima orang yang hendaklah merupakan seorang yang layak untuk didaftarkan sebagai Teknologis Profesional atau Juruteknik Bertauliah berdaftar yang bekerja dalam perkhidmatan awam Persekutuan;
 - (ii) sekurang-kurangnya seorang tetapi tidak lebih daripada dua orang yang hendaklah merupakan seorang yang layak untuk didaftarkan sebagai Teknologis Profesional atau Juruteknik Bertauliah berdaftar yang bekerja dalam perkhidmatan mana-mana pihak berkuasa tempatan atau pihak berkuasa berkanun;

- (iii) sekurang-kurangnya seorang tetapi tidak lebih daripada lima orang yang hendaklah merupakan seorang yang layak untuk didaftarkan sebagai Teknologis Profesional atau Juruteknik Bertauliah berdaftar yang bekerja dalam sektor swasta;
- (iv) sekurang-kurangnya seorang tetapi tidak lebih daripada lima orang anggota organisasi yang mewakili bidang teknologi yang berkaitan dan menggalakkan kemajuan bidang teknologi;
- (v) sekurang-kurangnya seorang tetapi tidak lebih daripada lima orang yang hendaklah merupakan seorang yang layak untuk didaftarkan sebagai Teknologis Profesional berdaftar dalam perkhidmatan institusi pengajian tinggi;
- (vi) sekurang-kurangnya seorang tetapi tidak lebih daripada lima orang yang hendaklah merupakan seorang yang layak untuk didaftarkan sebagai Juruteknik Bertauliah berdaftar dalam perkhidmatan institusi latihan kemahiran; dan
- (vii) sekurang-kurangnya seorang tetapi tidak lebih daripada tiga orang daripada kalangan lembaga profesional lain yang berkaitan.

Meterai perbadanan

9. (1) Lembaga hendaklah mempunyai suatu meterai perbadanan yang hendaklah mengandungi suatu peranti yang diluluskan oleh Lembaga dan meterai itu boleh dari semasa ke semasa dipecahkan, ditukar, diubah dan dibuat baharu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga.

(2) Sehingga suatu meterai diadakan oleh Lembaga, suatu cap yang mengandungi perkataan “Lembaga Teknologis Malaysia” bolehlah digunakan dan hendaklah disifatkan sebagai meterai perbadanan Lembaga.

(3) Meterai perbadanan itu hendaklah disimpan dalam jagaan Presiden atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa oleh Lembaga, dan hendaklah ditentusahkan sama ada oleh Presiden atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Presiden secara bertulis.

(4) Segala surat ikatan, dokumen dan surat cara lain yang berupa sebagai dimeteraikan dengan meterai perbadanan Lembaga dan ditentukan dengan sewajarnya hendaklah, sehingga dibuktikan sebaliknya, disifatkan telah disempurnakan dengan sah.

(5) Apa-apa surat ikatan, dokumen atau surat cara lain yang, jika disempurnakan oleh seseorang yang bukan suatu pertubuhan perbadanan, tidak dikehendaki supaya dimeteraikan boleh disempurnakan mengikut cara yang serupa oleh seorang anggota Lembaga atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa oleh Presiden bagi pihak Lembaga.

(6) Meterai perbadanan Lembaga hendaklah diberi pengiktirafan rasmi dan kehakiman.

Tempoh jawatan

10. (1) Tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam surat cara pelantikannya, seseorang anggota Lembaga hendaklah, melainkan jika dia meletakkan atau mengosongkan jawatannya atau pelantikannya dibatalkan, memegang jawatan bagi suatu tempoh yang tidak melebihi tiga tahun sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri dan hendaklah layak untuk dilantik semula bagi suatu tempoh yang tidak melebihi dua tahun.

(2) Jika seseorang anggota Lembaga mati atau meletakkan atau mengosongkan jawatannya atau pelantikannya dibatalkan, seorang anggota baru hendaklah secepat yang dapat dilaksanakan dilantik untuk menggantikan anggota itu dan anggota yang dilantik itu hendaklah memegang jawatan bagi baki tempoh pelantikan anggota yang digantinya itu.

Elaun

11. Presiden dan anggota Lembaga hendaklah dibayar elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

Pembatalan pelantikan dan peletakan jawatan

12. (1) Menteri boleh, pada bila-bila masa, membatalkan pelantikan seseorang anggota Lembaga.

(2) Seseorang anggota Lembaga boleh, pada bila-bila masa, meletakkan jawatannya dengan memberikan notis sekurang-kurangnya tiga puluh hari secara bertulis kepada Menteri.

Pengosongan jawatan

13. Jawatan seseorang anggota Lembaga hendaklah menjadi kosong—

- (a) jika dia meninggal dunia;
- (b) jika telah dibuktikan terhadapnya, atau dia telah disabitkan atas, suatu pertuduhan berkenaan dengan—
 - (i) suatu kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak;
 - (ii) suatu kesalahan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan rasuah; atau
 - (iii) apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum dengan pemenjaraan (sama ada pemenjaraan sahaja atau sebagai tambahan kepada atau sebagai ganti denda) selama lebih daripada dua tahun;
- (c) jika dia menjadi bankrap;
- (d) jika dia tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya menunaikan kewajipannya;
- (e) dalam hal Presiden, jika dia tidak menghadiri mesyuarat Lembaga tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran secara bertulis daripada Menteri;
- (f) dalam hal seseorang anggota Lembaga selain Presiden, jika dia tidak menghadiri mesyuarat Lembaga tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran secara bertulis daripada Presiden;
- (g) jika peletakan jawatannya diterima oleh Menteri; atau
- (h) jika pelantikannya dibatalkan oleh Menteri.

Jadual

14. (1) Peruntukan Jadual hendaklah terpakai bagi anggota Lembaga.

(2) Menteri boleh meminda Jadual melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*.

Penzahiran kepentingan

15. (1) Seseorang anggota Lembaga, majlis atau jawatankuasa yang memperoleh suatu kepentingan secara langsung atau tidak langsung sama ada dengan sendirinya, menerusi anggota keluarganya atau menerusi sekutunya berhubung dengan apa-apa perkara yang sedang dibincangkan oleh Lembaga, majlis atau jawatankuasa itu hendaklah menzahirkan kepada Lembaga, majlis atau jawatankuasa itu hakikat kepentingannya dan jenis kepentingan itu.

(2) Penzahiran di bawah subseksyen (1) hendaklah direkodkan dalam minit mesyuarat Lembaga, majlis atau jawatankuasa, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang dalamnya perkara itu dibincangkan dan, selepas penzahiran itu, anggota itu—

- (a) tidak boleh hadir atau mengambil bahagian dalam apa-apa perbincangan atau keputusan Lembaga, majlis atau jawatankuasa itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, mengenai perkara itu; dan
- (b) tidak boleh diambil kira bagi maksud membentuk kuorum Lembaga, majlis atau jawatankuasa, mengikut mana-mana yang berkenaan,

apabila perkara itu dibincangkan atau diputuskan.

(3) Seseorang anggota Lembaga yang tidak menzahirkan kepentingannya sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen (1) hendaklah dipecat daripada Lembaga oleh Menteri.

(4) Seseorang anggota majlis atau jawatankuasa yang tidak menzahirkan kepentingannya sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen (1) hendaklah dipecat daripada majlis atau jawatankuasa oleh Lembaga.

(5) Tiada tindakan atau prosiding Lembaga, majlis atau jawatankuasa boleh menjadi tidak sah atas alasan bahawa mana-mana anggota Lembaga, majlis atau jawatankuasa telah melanggar seksyen ini.

(6) Bagi maksud seksyen ini—

“anggota keluarganya”, berhubung dengan seseorang anggota Lembaga, majlis atau jawatankuasa, termasuklah—

- (a) suami atau isterinya;
- (b) ibu atau bapanya (termasuk ibu atau bapa suami atau isterinya);
- (c) anaknya (termasuk anak angkat atau anak tiri);
- (d) adik-beradiknya (termasuk adik-beradik suami atau isterinya); dan
- (e) suami atau isteri anaknya atau adik-beradiknya; dan

“sekutu”, berhubung dengan seseorang anggota Lembaga, majlis atau jawatankuasa, ertinya—

- (a) orang yang merupakan penama atau pekerja anggota itu;
- (b) firma yang anggota itu atau mana-mana penamanya merupakan seorang pekongsi;
- (c) pekongsi anggota itu;
- (d) pemegang amanah sesuatu amanah yang di bawahnya anggota itu atau seorang anggota keluarganya ialah seorang benefisiari; atau
- (e) mana-mana perbadanan mengikut pengertian Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*], yang anggota itu atau mana-mana penamanya atau seseorang anggota keluarganya ialah seorang pengarah atau mempunyai pemegangan syer yang substansial dalam perbadanan itu.

BAHAGIAN III

PENDAFTARAN TEKNOLOGIS DAN JURUTEKNIK

Perkhidmatan teknikal dan perkhidmatan teknologi

16. Lembaga hendaklah menentukan—

- (a) perkhidmatan teknikal berkenaan dengan mana-mana operasi yang berhubungan dengan pengujian produk, pentauliahkan produk dan penyenggaraan produk; dan

- (b) perkhidmatan teknologi berkenaan dengan mana-mana operasi yang berhubungan dengan pembangunan produk, pembuatan produk, pengujian produk, pentauliahahan produk dan penyenggaraan produk,

bagi maksud Akta ini.

Daftar

17. (1) Lembaga hendaklah menyimpan dan menyenggara suatu daftar yang hendaklah terdiri daripada empat bahagian seperti yang berikut:

- (a) Bahagian A — yang hendaklah mengandungi nama, alamat dan butir-butir lain Teknologis Profesional;
- (b) Bahagian B — yang hendaklah mengandungi nama, alamat dan butir-butir lain Teknologis Berijazah;
- (c) Bahagian C — yang hendaklah mengandungi nama, alamat dan butir-butir lain Juruteknik Bertauliah; dan
- (d) Bahagian D — yang hendaklah mengandungi nama, alamat dan butir-butir lain Juruteknik Berkelayakan.

(2) Maka hendaklah ditunjukkan bersetentang dengan nama setiap orang berdaftar di dalam Daftar bidang teknologi yang dia layak untuk amalkan dan butir-butir tentang apa-apa syarat atau sekatan yang dikenakan oleh Lembaga di bawah perenggan 6(2)(a).

Pelantikan dan kewajipan Pendaftar

18. (1) Menteri hendaklah melantik seorang Pendaftar Teknologis yang hendaklah berada di bawah arahan Lembaga dan menandatangani semua perakuan pendaftaran dan pembaharuannya, dan perintah Lembaga, dan merekodkan semua catatan pendaftaran, penggantungan, pembatalan, pemotongan dan kemasukan semula ke dalam Daftar.

(2) Pendaftar hendaklah menyiarkan, melalui cara sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga, dalam bahasa kebangsaan dan bahasa Inggeris, nama, alamat, nombor pendaftaran dan butir-butir lain orang berdaftar —

- (a) yang pendaftarannya telah melalui perintah Lembaga—
 - (i) digantung di bawah perenggan 27(2)(b); atau
 - (ii) dibatalkan di bawah perenggan 27(2)(c);
 - (b) yang nama dan butir-butir lainnya telah dipotong daripada Daftar di bawah subseksyen 28(1); atau
 - (c) yang telah dimasukkan semula di bawah subseksyen 30(1).
- (3) Penyiaran di bawah subseksyen (2) hendaklah dibuat—
- (a) dalam masa tujuh hari dari tamat tempoh rayuan dalam subseksyen 41(1); atau
 - (b) dalam masa tujuh hari dari tarikh pengesahan Lembaga Rayuan mengenai perintah Lembaga di bawah subseksyen 44(4), jika terdapat rayuan difailkan terhadap perintah Lembaga itu.

Teknologis Profesional

19. Seseorang Teknologis Profesional berhak untuk—

- (a) meluluskan dan mengesahkan cara atau perjalanan perkhidmatan teknologi yang hendak dijalankan;
- (b) memperihalkan atau mengemukakan dirinya di bawah apa-apa nama, gelaran atau jawatan—
 - (i) yang mengandungi perkataan “Teknologis Profesional” atau yang setara dengannya dalam apa-apa bahasa lain;
 - (ii) yang mengandungi apa-apa perkataan lain dalam apa-apa bahasa yang boleh semunasabahnya ditafsirkan untuk membayangkan bahawa dia ialah seorang Teknologis Profesional;
 - (iii) menggunakan gelaran singkatan “Ts.” bagi Teknologis Profesional sebelum namanya dengan kelulusan Lembaga; atau
 - (iv) menggunakan singkatan “P.Tech.” bagi Teknologis Profesional dan kepakarannya selepas namanya dengan kelulusan Lembaga;

- (c) menggunakan atau mempamerkan apa-apa papan tanda, kad atau peranti lain yang memperkenalkan atau membayangkan bahawa dia ialah seorang Teknologis Profesional; dan
- (d) menggunakan cap sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

Juruteknik Bertauliah

20. Seseorang Juruteknik Bertauliah berhak untuk —

- (a) meluluskan dan mengesahkan cara atau perjalanan perkhidmatan teknikal yang hendak dijalankan;
- (b) memperihalkan atau mengemukakan dirinya di bawah apa-apa nama, gelaran atau jawatan —
 - (i) yang mengandungi perkataan “Juruteknik Bertauliah” atau yang setara dengannya dalam apa-apa bahasa lain;
 - (ii) yang mengandungi apa-apa perkataan lain dalam apa-apa bahasa yang boleh semunasabahnya ditafsirkan untuk membayangkan bahawa dia ialah seorang Juruteknik Bertauliah;
 - (iii) menggunakan gelaran singkatan “Tc.” bagi Juruteknik Bertauliah sebelum namanya dengan kelulusan Lembaga; atau
 - (iv) menggunakan singkatan “C.Tech.” bagi Juruteknik Bertauliah dan kepakarannya selepas namanya dengan kelulusan Lembaga;
- (c) menggunakan atau mempamerkan apa-apa papan tanda, kad atau peranti lain yang memperkenalkan atau membayangkan bahawa dia ialah seorang Juruteknik Bertauliah; dan
- (d) menggunakan cap sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

Pendaftaran Teknologis Berijazah dan Teknologis Profesional

21. (1) Tertakluk kepada Akta ini, seseorang yang memegang ijazah sarjana muda yang diiktiraf oleh Lembaga boleh memohon untuk didaftarkan sebagai Teknologis Berijazah selepas pembayaran fi yang ditetapkan.

(2) Selepas permohonan dibuat di bawah subseksyen (1), dan berdasarkan kepada kriteria sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga, Lembaga boleh meluluskan permohonan untuk didaftarkan sebagai Teknologis Berijazah.

(3) Seseorang Teknologis Berijazah yang didaftarkan di bawah subseksyen (2) yang telah—

- (a) memperoleh pengalaman amali sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga;
- (b) membayar fi yang ditetapkan; dan
- (c) mematuhi semua kriteria yang ditentukan oleh Lembaga,

boleh memohon untuk didaftarkan sebagai Teknologis Profesional.

(4) Selepas permohonan dibuat di bawah subseksyen (3), dan berdasarkan kepada kriteria sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga, Lembaga boleh meluluskan pendaftaran seseorang Teknologis Berijazah sebagai Teknologis Profesional.

Pendaftaran Juruteknik Berkelayakan dan Juruteknik Bertauliah

22. (1) Tertakluk kepada Akta ini, seseorang yang memegang suatu perakuan kelayakan yang diiktiraf oleh Lembaga boleh memohon untuk didaftarkan sebagai Juruteknik Berkelayakan selepas pembayaran fi yang ditetapkan.

(2) Selepas permohonan dibuat di bawah subseksyen (1), dan berdasarkan kepada kriteria sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga, Lembaga boleh meluluskan permohonan untuk didaftarkan sebagai Juruteknik Berkelayakan.

(3) Seseorang Juruteknik Berkelayakan yang didaftarkan di bawah subseksyen (2) yang telah—

- (a) memperoleh pengalaman amali sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga;
- (b) membayar fi yang ditetapkan; dan

- (c) mematuhi semua kriteria yang ditentukan oleh Lembaga,

boleh memohon untuk didaftarkan sebagai Juruteknik Bertauliah.

(4) Selepas permohonan dibuat di bawah subseksyen (3), dan berdasarkan kepada kriteria sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga, Lembaga boleh meluluskan pendaftaran seseorang Juruteknik Berkelayakan sebagai Juruteknik Bertauliah.

Permohonan bagi pendaftaran

23. Suatu permohonan bagi pendaftaran hendaklah dibuat kepada Lembaga mengikut apa-apa cara sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga dan disertakan dengan fi yang ditetapkan.

Perakuan pendaftaran

24. (1) Pendaftar hendaklah, selepas penerimaan fi yang ditetapkan, mengeluarkan kepada orang yang permohonan bagi pendaftaran telah diluluskan oleh Lembaga suatu perakuan pendaftaran dalam bentuk yang akan ditentukan oleh Lembaga.

(2) Tiap-tiap perakuan pendaftaran, kecuali perakuan pendaftaran yang dikeluarkan kepada seseorang Teknologis Berijazah atau Juruteknik Berkelayakan, hendaklah, tertakluk kepada Akta ini, tamat tempoh satu tahun dari tarikh pendaftaran diluluskan di bawah subseksyen 21(4) atau 22(4), mengikut mana-mana yang berkenaan.

(3) Dalam apa-apa prosiding, perakuan pendaftaran hendaklah menjadi bukti muktamad bahawa orang yang dinamakan dalam perakuan pendaftaran itu ialah orang berdaftar.

Pembaharuan pendaftaran

25. (1) Tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga, perakuan pendaftaran yang dikeluarkan kepada Teknologis Profesional atau Juruteknik Bertauliah boleh diperbaharui setelah perakuan pendaftaran itu tamat tempoh.

(2) Permohonan bagi pembaharuan hendaklah dibuat kepada Lembaga mengikut apa-apa cara sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga dan disertakan dengan fi yang ditetapkan.

(3) Jika Teknologis Profesional atau Juruteknik Bertauliah tidak membaharui pendaftarannya selepas dua belas bulan dari tarikh tamat tempoh perakuan pendaftaran itu, dia tidak boleh memohon bagi pembaharuan pendaftaran itu di bawah seksyen ini tetapi sebaliknya hendaklah memohon bagi pendaftaran di bawah seksyen 21 atau 22, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Pemberitahuan pertukaran alamat

26. Tiap-tiap orang berdaftar hendaklah memberitahu secara bertulis kepada Pendaftar mengenai apa-apa pertukaran alamatnya.

BAHAGIAN IV

PENGGANTUNGAN, PEMBATALAN PENDAFTARAN, DSB.

Penggantungan dan pembatalan pendaftaran

27. (1) Tertakluk kepada subseksyen (3), Lembaga boleh membuat apa-apa perintah yang dinyatakan dalam subseksyen (2) terhadap orang berdaftar di bawah apa-apa hal keadaan yang berikut:

- (a) jika dia disabitkan atas kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau rasuah di Malaysia atau di tempat lain;
- (b) jika dia menawarkan atau menerima apa-apa komisen yang pada pendapat Lembaga merupakan suatu komisen haram;
- (c) jika semasa bertindak atas sifat profesionalnya, dia pada masa yang sama tanpa mendedahkan fakta itu secara bertulis kepada pelanggannya, merupakan seorang pemilik tunggal, pekongsi, pengarah atau anggota bagi atau pemegang syer substantial dalam atau ejen bagi mana-mana syarikat pejanji atau pembuatan atau firma atau perniagaan atau mempunyai apa-apa kepentingan kewangan dalam mana-mana syarikat atau firma atau perniagaan itu, yang dengannya dia berurusan bagi pihak pelanggannya;

- (d) jika pendaftarannya di bawah Akta ini telah diperoleh melalui fraud atau salah nyataan;
 - (e) jika kelayakannya telah ditarik balik atau dibatalkan oleh pihak berkuasa yang melaluinya kelayakan itu diperoleh atau yang olehnya kelayakan itu diawardkan;
 - (f) jika dia didapati tidak sempurna akal;
 - (g) jika dia didapati tidak berupaya atau tidak mampu lagi untuk melaksanakan kewajipan profesionalnya dengan berkesan;
 - (h) jika dia seorang bankrap;
 - (i) jika dia didapati oleh Lembaga telah melanggar atau tidak mematuhi Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;
 - (j) jika dia tidak mematuhi apa-apa syarat atau sekatan yang kepadanya pendaftarannya tertakluk;
 - (k) jika dia didapati bersalah oleh Lembaga atas apa-apa perbuatan atau kelakuan yang pada pendapat Lembaga adalah mengaibkan atau keji; atau
 - (l) jika dia tidak menunaikan kewajipan profesionalnya dengan kemahiran, ketelitian dan ketekunan yang sewajarnya.
- (2) Perintah yang disebut dalam subseksyen (1) ialah—
- (a) pengeluaran suatu amaran bertulis atau teguran;
 - (b) penggantungan pendaftaran bagi tempoh yang tidak melebihi satu tahun; atau
 - (c) pembatalan pendaftaran.

(3) Lembaga tidak boleh membuat apa-apa perintah di bawah subseksyen (1) berdasarkan kepada apa-apa hal keadaan yang dinyatakan dalam perenggan (1)(b) hingga (d) atau perenggan 1(f) hingga (l) melainkan jika—

- (a) orang berdaftar yang terhadapnya Lembaga berhasrat untuk membuat perintah itu telah diberikan suatu peluang untuk didengar secara lisan atau secara bertulis sama ada dengan sendiri atau melalui seseorang yang dilantik oleh orang berdaftar itu; dan

- (b) semasa pendengaran, jika berkenaan, sekurang-kurangnya lima orang anggota Lembaga hadir.

(4) Lembaga hendaklah memberitahu orang berdaftar secara bertulis dalam masa tujuh hari perintah itu dibuat dalam subseksyen (1).

Pemotongan daripada Daftar

28. (1) Lembaga hendaklah memerintahkan pemotongan daripada Daftar bagi nama dan butir-butir lain—

- (a) orang berdaftar yang telah meninggal dunia;
- (b) Teknologis Profesional atau Juruteknik Bertauliah yang tidak membaharui pendaftarannya di bawah seksyen 25; atau
- (c) orang berdaftar yang pendaftarannya telah dibatalkan.

(2) Jika pemotongan daripada Daftar dibuat di bawah perenggan (1)(b) atau (c), Lembaga hendaklah melalui pos berdaftar memberitahu orang berdaftar secara bertulis mengenai perintah pemotongan itu dalam masa tujuh hari perintah itu dibuat.

Perakuan hendaklah dikembalikan

29. Orang berdaftar yang namanya dipotong daripada Daftar hendaklah, dalam masa empat belas hari dari tarikh penerimaan pemberitahuan pemotongan itu, menyerahkan balik kepada Lembaga perakuan pendaftaran yang dikeluarkan kepadanya di bawah Akta ini.

Kemasukan semula

30. (1) Jika orang berdaftar yang namanya telah diperintahkan supaya dipotong daripada Daftar di bawah perenggan 28(1)(c) telah merayu terhadap perintah itu dan rayuannya dibenarkan, Lembaga Rayuan hendaklah memerintahkan kemasukan semula namanya ke dalam Daftar dan memberi notis secara bertulis kepada orang berdaftar dalam masa tujuh hari perintah itu dibuat.

(2) Selepas perintah kemasukan semula dibuat, Pendaftar hendaklah mengeluarkan suatu perakuan pendaftaran kepada orang berdaftar.

BAHAGIAN V

KEWANGAN

Kumpulan Wang Lembaga Teknologis Malaysia

31. (1) Suatu kumpulan wang yang dikenali sebagai “Kumpulan Wang Lembaga Teknologis Malaysia” ditubuhkan dan hendaklah ditadbir dan dikawal oleh Lembaga.

(2) Kumpulan Wang hendaklah terdiri daripada—

- (a) wang yang diterima oleh Lembaga dalam melaksanakan fungsinya di bawah Akta ini;
- (b) apa-apa jumlah wang yang diluluskan oleh Parlimen;
- (c) semua wang dan harta yang dengan apa-apa cara menjadi kena dibayar kepada atau terletak hak pada Lembaga yang berkenaan dengan apa-apa perkara yang bersampingan dengan fungsi dan kuasanya;
- (d) apa-apa kos yang dibayar kepada, atau didapatkan oleh, Lembaga dalam apa-apa penyelesaian tindakan atau prosiding, sivil atau jenayah; dan
- (e) semua wang lain yang diterima secara sah oleh Lembaga.

Perbelanjaan yang hendaklah dipertanggungkan pada Kumpulan Wang

32. Kumpulan Wang hendaklah dibelanjakan bagi maksud yang berikut:

- (a) membayar apa-apa perbelanjaan yang dilakukan secara sah oleh Lembaga;
- (b) membayar elaun dan belanja anggota Lembaga, anggota majlis dan anggota jawatankuasa;

- (c) membayar saraan, elaun, faedah dan belanja pekerja Lembaga;
- (d) membayar apa-apa belanja, kos atau perbelanjaan lain berhubung dengan pemerolehan barang dan perkhidmatan, termasuk pengambilan perunding, fi dan kos guaman dan fi dan kos lain, yang dilakukan atau diterima dengan sepatutnya oleh Lembaga dalam pelaksanaan fungsinya dan penjalanan kuasanya di bawah Akta ini; dan
- (e) secara amnya, membayar apa-apa belanja bagi melaksanakan peruntukan Akta ini.

Perbelanjaan dan penyediaan anggaran

33. (1) Perbelanjaan Lembaga setakat apa-apa amaun yang dibenarkan oleh Lembaga bagi mana-mana satu tahun kewangan hendaklah dibayar daripada Kumpulan Wang.

(2) Sebelum permulaan setiap tahun kewangan, suatu anggaran perbelanjaan bagi tahun kewangan yang berikutnya dalam apa-apa bentuk dan yang mengandungi apa-apa butir sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri hendaklah dikemukakan oleh Lembaga kepada Menteri untuk kelulusannya, dan Menteri hendaklah, sebelum permulaan tahun kewangan yang berikutnya, memberitahu Lembaga tentang amaun yang dibenarkan bagi perbelanjaan pada amnya atau amaun yang dibenarkan bagi setiap perihalan perbelanjaan.

(3) Lembaga boleh, pada bila-bila masa, mengemukakan kepada Menteri suatu anggaran tambahan bagi mana-mana satu tahun kewangan dan Menteri boleh membenarkan kesemua atau mana-mana bahagian daripada perbelanjaan tambahan yang termasuk dalam anggaran tambahan itu.

Pemeliharaan Kumpulan Wang

34. Menjadi kewajipan Lembaga untuk memelihara Kumpulan Wang dengan melaksanakan fungsinya dan menjalankan kuasanya di bawah Akta ini dengan sedemikian cara supaya dapat dipastikan

bahawa jumlah hasil Lembaga mencukupi untuk membayar semua jumlah wang yang boleh dipertanggungjawabkan dengan sepatutnya pada akaun hasilnya, termasuk susut nilai dan bunga atas modal, dari setahun ke setahun.

Akaun bank

35. Lembaga hendaklah membuka dan menyenggara suatu akaun atau akaun-akaun dengan mana-mana bank atau bank-bank di Malaysia sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga; dan tiap-tiap akaun itu hendaklah dikendalikan setakat yang dapat dilaksanakan melalui cek yang ditandatangani oleh Presiden dan Pendaftar atau mana-mana dua orang anggota Lembaga yang diberi kuasa oleh Presiden secara bertulis bagi maksud itu dari semasa ke semasa.

Kuasa untuk meminjam

36. (1) Lembaga boleh, dari semasa ke semasa, dengan kelulusan terlebih dahulu Menteri dan Menteri Kewangan, meminjam, pada apa-apa kadar bunga dan bagi apa-apa tempoh dan atas apa-apa terma tentang masa dan kaedah pembayaran balik dan selainnya sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri dan Menteri Kewangan, apa-apa jumlah wang yang diperlukan oleh Lembaga bagi memenuhi mana-mana obligasinya atau bagi melaksanakan mana-mana fungsinya di bawah Akta ini.

(2) Lembaga boleh, dari semasa ke semasa, dengan kelulusan terlebih dahulu Menteri dan Menteri Kewangan, meminjam wang dengan menerbitkan bon, debentur, saham debentur atau apa-apa sekuriti lain atas apa-apa terma yang didapatinya suai manfaat bagi memenuhi mana-mana obligasinya atau bagi melaksanakan mana-mana fungsinya di bawah Akta ini.

Pelaburan

37. Kumpulan Wang boleh, setakat yang wang itu tidak dikehendaki untuk dibelanjakan oleh Lembaga di bawah Akta ini, dilaburkan mengikut apa-apa cara yang didapati patut oleh Lembaga selepas berunding dengan Menteri.

Tatacara kewangan

38. Tertakluk kepada Akta ini, Lembaga hendaklah menentukan tatacara kewangannya sendiri.

Tahun kewangan

39. Tahun kewangan Lembaga hendaklah bermula pada 1 Januari dan berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

Akaun dan laporan

40. (1) Lembaga hendaklah menyebabkan supaya disimpan akaun Kumpulan Wang dan laporan yang sepatutnya tentang aktiviti Lembaga dan hendaklah, secepat yang dapat dilaksanakan selepas berakhirnya setiap tahun kewangan, menyebabkan supaya disediakan bagi tahun kewangan itu—

(a) suatu penyata akaun Lembaga yang hendaklah termasuk kunci kira-kira dan akaun pendapatan dan perbelanjaan Lembaga; dan

(b) suatu penyata aktiviti Lembaga.

(2) Lembaga hendaklah, secepat yang mungkin, menghantar suatu salinan penyata akaun dan penyata aktiviti yang disebut dalam subseksyen (1) yang diperakui oleh Ketua Audit Negara dan suatu salinan Laporan Ketua Audit Negara kepada Menteri yang hendaklah menyebabkan penyata dan laporan itu dibentangkan di hadapan kedua-dua Dewan Parlimen.

(3) Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [Akta 240] hendaklah terpakai bagi Lembaga.

BAHAGIAN VI**AM****Alasan bagi rayuan**

41. (1) Seseorang—

(a) yang telah ditolak pendaftarannya oleh Lembaga;

- (b) yang setelah didaftarkan telah dipotong namanya daripada Daftar menurut perintah yang dibuat oleh Lembaga di bawah perenggan 28(1)(c); atau
- (c) yang terkilan dengan perintah Lembaga di bawah subseksyen 27(1),

boleh, dalam masa tiga puluh hari penerimaan pemberitahuan secara bertulis tentang penolakan, pemotongan atau perintah itu, merayu kepada Lembaga Rayuan yang ditubuhkan di bawah seksyen 42 dan Lembaga Rayuan itu boleh terus membuat apa-apa perintah sebagaimana yang difikirkannya adil atau patut.

(2) Seseorang yang rayuannya di bawah perenggan (1)(a) telah ditolak oleh Lembaga Rayuan boleh membuat permohonan baharu di bawah seksyen 21 atau 22, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(3) Lembaga hendaklah menguatkuasakan apa-apa perintah yang dibuat oleh Lembaga Rayuan dengan serta-merta.

Lembaga Rayuan

42. Bagi maksud Bahagian ini, maka hendaklah ditubuhkan suatu Lembaga Rayuan yang terdiri daripada seorang Pengerusi dan dua orang lain yang setiap seorang mempunyai minimum sepuluh tahun pengalaman dalam bidang teknologi yang dilantik oleh Menteri.

Tempoh jawatan anggota Lembaga Rayuan

43. Seseorang anggota Lembaga Rayuan hendaklah, melainkan jika dia meletakkan atau mengosongkan jawatannya atau pelantikannya dibatalkan, memegang jawatan bagi tempoh sebagaimana yang dinyatakan dalam surat cara yang melantiknya dan hendaklah layak untuk dilantik semula.

Rayuan

44. (1) Rayuan terhadap perintah Lembaga hendaklah dibuat melalui notis secara bertulis kepada Lembaga Rayuan dan suatu salinan notis itu hendaklah dihantar kepada Presiden Lembaga.

(2) Selepas menerima salinan notis rayuan itu, Presiden Lembaga atau semasa ketiadaan Presiden, anggota yang diwakilkan oleh Presiden hendaklah menyebabkan supaya disediakan dan dihantarkan kepada Pengerusi Lembaga Rayuan rekod atau ringkasan rekod prosiding Lembaga dan suatu penyata yang menyatakan alasan yang berdasarkannya Lembaga membuat keputusannya.

(3) Selepas menerima rekod atau ringkasan rekod dan penyataan alasan bagi keputusan Lembaga, Pengerusi Lembaga Rayuan hendaklah mengadakan mesyuarat Lembaga Rayuan untuk mendengar rayuan.

(4) Lembaga Rayuan selepas mendengar rayuan boleh mengesahkan, mengubah atau mengakaskan keputusan Lembaga.

(5) Keputusan Lembaga Rayuan adalah muktamad.

Jawatankuasa Penyiasat dan kuasanya

45. (1) Bagi maksud seksyen 27, Lembaga hendaklah melantik suatu Jawatankuasa Penyiasat yang terdiri daripada—

- (a) seorang Pengerusi, yang merupakan Teknologis Profesional;
- (b) dua orang daripada kalangan Teknologis Profesional atau Teknologis Berijazah; dan
- (c) dua orang daripada kalangan Juruteknik Bertauliah atau Juruteknik Berkelayakan,

untuk menjalankan penyiasatan.

(2) Jika Pengerusi Jawatankuasa Penyiasat merupakan anggota Lembaga, dia tidak boleh menjadi anggota Lembaga apabila Lembaga menjalankan pendengaran atau membuat perintah di bawah subseksyen 27(1) berkenaan dengan orang berdaftar yang telah diperiksa oleh Jawatankuasa Penyiasat yang dia merupakan Pengerusi.

(3) Jawatankuasa Penyiasat yang dilantik di bawah subseksyen (1) boleh, bagi maksud sesuatu penyiasatan—

- (a) menghendaki mana-mana orang supaya hadir di hadapannya dan memberikan keterangan secara bersumpah atau

ikrar, dan Pengerusi Jawatankuasa Penyiasat yang mempengerusikan penyiasatan itu boleh mengendalikan sumpah itu; dan

- (b) menghendaki mana-mana orang untuk mengemukakan apa-apa buku, dokumen atau kertas yang berhubungan dengan hal perkara penyiasatan yang berada dalam jagaan orang itu atau di bawah kawalannya.

(4) Selepas penyiasatannya selesai, Jawatankuasa Penyiasat hendaklah mengemukakan suatu laporan berserta dengan syornya, jika ada, kepada Lembaga bagi pertimbangannya.

(5) Seseorang hendaklah—

- (a) hadir dan memberikan keterangan apabila dikehendaki untuk berbuat demikian oleh Jawatankuasa Penyiasat;
- (b) menjawab dengan benar dan sepenuhnya apa-apa soalan yang dikemukakan kepadanya oleh mana-mana anggota Jawatankuasa Penyiasat; dan
- (c) mengemukakan kepada Jawatankuasa Penyiasat apa-apa buku, dokumen atau kertas yang dikehendaki daripadanya.

(6) Lembaga boleh, jika difikirkannya patut, menggantung pendaftaran orang berdaftar bagi tempoh tidak melebihi enam bulan sementara selesai penyiasatan oleh Jawatankuasa Penyiasat di bawah Akta ini dan semasa tempoh penggantungan itu, dia tidak boleh menjalankan apa-apa hak atau keistimewaan yang diberikan kepadanya di bawah Akta ini.

Penalti kerana memperoleh pendaftaran dengan dakwaan palsu, dsb.

46. Seseorang yang—

- (a) memperoleh atau cuba untuk memperoleh pendaftaran atau perakuan pendaftaran di bawah Akta ini dengan secara sedar membuat atau menghasilkan atau menyebabkan supaya dibuat atau dihasilkan apa-apa akuan, perakuan, permohonan atau representasi palsu atau tipuan sama ada secara bertulis atau selainnya;
- (b) dengan sengaja membuat atau menyebabkan supaya dibuat apa-apa catatan palsu dalam Daftar;

- (c) memalsukan, mengubah atau melancung apa-apa perakuan pendaftaran di bawah Akta ini;
- (d) menggunakan apa-apa perakuan pendaftaran yang dipalsukan, diubah atau dilancung di bawah Akta ini dengan mengetahui bahawa perakuan itu telah dipalsukan, diubah atau dilancung;
- (e) menyamar sebagai orang berdaftar;
- (f) membeli atau secara fraud memperoleh suatu perakuan pendaftaran di bawah Akta ini yang dikeluarkan kepada orang lain;
- (g) menjual apa-apa perakuan pendaftaran yang dikeluarkan di bawah Akta ini; atau
- (h) melanggar seksyen 19 atau 20,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Indemniti

47. Tiada tindakan atau prosiding boleh dimulakan atau dikekalkan di mana-mana mahkamah terhadap Lembaga, Lembaga Rayuan, Jawatankuasa Penyiasat, majlis atau jawatankuasa yang dilantik oleh Lembaga atau mana-mana anggota Lembaga, Lembaga Rayuan, Jawatankuasa Penyiasat, majlis atau jawatankuasa atau mana-mana orang yang diberi kuasa untuk bertindak bagi atau bagi pihak Lembaga bagi apa-apa perbuatan atau peninggalan yang dilakukan dengan suci hati dalam menunaikan mana-mana fungsi, kuasa dan kewajipannya di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

Pekhidmat awam

48. Semua anggota Lembaga, Lembaga Rayuan, Jawatankuasa Penyiasat dan anggota majlis, jawatankuasa dan mana-mana pekerja dan ejen Lembaga semasa menunaikan kewajipan mereka di bawah Akta ini sebagai anggota, pekerja atau ejen sedemikian, hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [*Akta 574*].

Obligasi kerahsiaan

49. Kecuali bagi mana-mana maksud Akta ini atau bagi maksud apa-apa prosiding sivil atau jenayah di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau jika selainnya dibenarkan oleh Lembaga—

- (a) tiada anggota Lembaga atau mana-mana jawatankuasa atau majlisnya atau mana-mana pekerja atau ejen Lembaga atau mana-mana orang yang menghadiri mana-mana mesyuarat Lembaga atau mana-mana jawatankuasa atau majlisnya, sama ada semasa atau selepas tempoh memegang jawatan atau pekerjaannya, boleh menzahirkan apa-apa maklumat yang didapatinya dalam perjalanan kewajibannya; dan
- (b) tiada seorang lain pun yang melalui apa-apa cara mempunyai akses kepada apa-apa maklumat atau dokumen yang berhubungan dengan hal ehwal Lembaga boleh menzahirkan maklumat atau dokumen itu.

Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan

50. (1) Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan yang suai manfaat atau perlu bagi memberikan kuat kuasa sepenuhnya atau bagi melaksanakan peruntukan Akta ini dengan lebih baik.

(2) Peraturan-Peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini boleh termasuk peruntukan bagi menetapkan fi atau caj bagi apa-apa perkhidmatan yang disediakan dalam pelaksanaan fungsi Lembaga.

JADUAL
[Seksyen 14]

Kekerapan dan tempat mesyuarat

1. (1) Presiden hendaklah mempengerusikan mesyuarat Lembaga.

(2) Lembaga hendaklah mengadakan seberapa banyak mesyuarat yang perlu bagi melaksanakan fungsinya dengan cekap dan mesyuarat itu hendaklah diadakan di tempat dan pada masa yang diputuskan oleh Presiden, dengan syarat bahawa mesyuarat diadakan sekurang-kurangnya dua kali setahun.

(3) Presiden hendaklah memanggil mesyuarat jika diminta berbuat demikian secara bertulis oleh Menteri.

(4) Semasa ketiadaan Presiden, anggota hendaklah memilih seorang daripada kalangan mereka untuk mempengerusikan mesyuarat.

Kuorum

2. Presiden dan sekurang-kurangnya satu per tiga daripada anggota Lembaga yang lain hendaklah membentuk kuorum pada mesyuarat Lembaga.

Undi pemutus

3. Jika mengenai apa-apa persoalan yang hendak ditentukan oleh Lembaga terdapat bilangan undi yang sama banyak, Presiden hendaklah mempunyai undi pemutus sebagai tambahan kepada undi biasanya.

Lembaga boleh mengundang orang lain untuk menghadiri mesyuarat

4. (1) Lembaga boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mana-mana mesyuarat atau pertimbangtelitian Lembaga bagi maksud menasihatinya tentang apa-apa perkara yang sedang dibincangkan, tetapi mana-mana orang yang hadir itu tidak berhak untuk mengundi pada mesyuarat atau pertimbangtelitian itu.

(2) Seseorang yang diundang di bawah subperenggan (1) hendaklah dibayar apa-apa elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

Minit

5. (1) Lembaga hendaklah menyebabkan supaya minit kesemua mesyuaratnya disenggarakan dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya.

(2) Minit mesyuarat Lembaga, jika ditandatangani dengan sewajarnya, hendaklah, dalam mana-mana prosiding undang-undang, diterima sebagai keterangan *prima facie* mengenai fakta yang dinyatakan dalam minit itu tanpa bukti selanjutnya.

(3) Tiap-tiap mesyuarat Lembaga yang minit berkenaan dengannya telah dibuat mengikut subperenggan (1) dan (2) hendaklah disifatkan telah dipanggil dan diadakan dengan sewajarnya dan semua anggota dalam mesyuarat itu layak dengan sewajarnya untuk bertindak.

Tatacara

6. Lembaga boleh mengawal selia tatacaranya sendiri.

Kesahan perbuatan dan prosiding

7. Tiada perbuatan yang dilakukan atau prosiding yang diambil di bawah Akta ini boleh dipersoalkan atas alasan bahawa—

- (a) terdapat apa-apa kekosongan dalam keanggotaan, atau terdapat apa-apa kecacatan dalam penubuhan Lembaga; atau
- (b) terdapat apa-apa peninggalan, kecacatan atau ketidakteraturan yang tidak menyentuh merit kes itu.

Anggota hendaklah menumpukan masa kepada urusan Lembaga

8. Anggota Lembaga hendaklah menumpukan masa kepada urusan Lembaga sebagaimana yang perlu untuk menunaikan kewajipan mereka dengan berkesan.

HURAIAN

Akta Teknologis dan Juruteknik 2014 (“Akta”) sebagaimana yang dicadangkan oleh Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk menubuhkan suatu pertubuhan perbadanan dengan nama “Lembaga Teknologis Malaysia” (“Lembaga”) untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran teknologis dan juruteknik dan bagi perkara yang berkaitan.

BAHAGIAN I

2. Bahagian I Akta memperkatakan perkara permulaan.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas Akta dan bertujuan untuk membenarkan Menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa Akta.

Fasal 2 mengandungi takrif perkataan dan ungkapan tertentu yang digunakan dalam Akta.

Fasal 3 menyatakan bahawa peruntukan Akta ini hendaklah menjadi tambahan kepada, dan tidak mengurangkan, peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain yang berhubungan dengan pendaftaran profesional.

BAHAGIAN II

3. Bahagian II mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan penubuhan Lembaga.

Fasal 4 mengadakan peruntukan bagi penubuhan Lembaga.

Fasal 5 dan *6* menyatakan fungsi dan kuasa Lembaga.

Fasal 7 membenarkan Lembaga untuk mewakilkan fungsi dan kuasanya kepada seseorang anggota Lembaga, jawatankuasa Lembaga dan majlis Lembaga.

Fasal 8 mengandungi peruntukan mengenai keanggotaan Lembaga.

Fasal 9 membenarkan Lembaga untuk mempunyai suatu meterai perbadanan.

Fasal 10 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi tempoh jawatan anggota Lembaga.

Fasal 11 mengadakan peruntukan bagi pembayaran apa-apa elaun kepada anggota Lembaga sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

Fasal 12 mengadakan peruntukan bagi pembatalan pelantikan anggota Lembaga dan peletakan jawatan mereka.

Fasal 13 menyatakan keadaan apabila jawatan seseorang anggota Lembaga itu dikosongkan.

Fasal 14 mengadakan peruntukan bagi tatacara yang hendaklah dipatuhi oleh anggota Lembaga yang dinyatakan dalam Jadual.

Fasal 15 menghendaki seseorang anggota Lembaga dan anggota majlis atau jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Lembaga untuk menzahirkan kepentingannya dalam mana-mana perkara yang sedang dibincangkan oleh Lembaga, majlis atau jawatankuasa.

BAHAGIAN III

4. Bahagian III mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan pendaftaran teknologis dan juruteknik.

Fasal 16 memperuntukkan bahawa Lembaga hendaklah menentukan perkhidmatan teknikal dan perkhidmatan teknologi.

Fasal 17 memperuntukkan bahawa Lembaga hendaklah menyimpan dan menyenggara suatu Daftar.

Fasal 18 mengadakan peruntukan bagi pelantikan dan kewajipan Pendaftaran.

Fasal 19 menyatakan kuasa dan kewajipan Teknologis Profesional.

Fasal 20 menyatakan kuasa dan kewajipan Juruteknik Bertauliah.

Fasal 21 memperkatakan pendaftaran Teknologis Berijazah dan Teknologis Profesional.

Fasal 22 memperkatakan pendaftaran Juruteknik Berkelayakan dan Juruteknik Bertauliah.

Fasal 23 memperkatakan permohonan bagi pendaftaran.

Fasal 24 mengadakan peruntukan bagi pengeluaran perakuan pendaftaran oleh Pendaftar.

Fasal 25 mengadakan peruntukan bagi pembaharuan pendaftaran Teknologis Profesional dan Juruteknik Bertauliah.

Fasal 26 menghendaki orang berdaftar untuk memberitahu Pendaftar mengenai apa-apa pertukaran alamatnya.

BAHAGIAN IV

5. Bahagian IV mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan penggantungan dan pembatalan pendaftaran, pemotongan daripada dan kemasukan semula ke dalam Daftar.

Fasal 27 menyatakan keadaan di mana Lembaga boleh membuat perintah penggantungan atau pembatalan terhadap orang berdaftar.

Fasal 28 mengadakan peruntukan bagi pemotongan orang berdaftar daripada Daftar.

Fasal 29 mengadakan peruntukan bagi penyerahan balik perakuan pendaftaran yang dikeluarkan di bawah Akta.

Fasal 30 mengadakan peruntukan bagi kemasukan semula orang berdaftar ke dalam Daftar.

BAHAGIAN V

6. Bahagian V mengandungi peruntukan kewangan.

Fasal 31 mengadakan peruntukan bagi penubuhan “Kumpulan Wang Lembaga Teknologis Malaysia” (“Kumpulan Wang”).

Fasal 32 menyatakan perbelanjaan yang boleh dipertanggungkan pada Kumpulan Wang.

Fasal 33 memperkatakan perbelanjaan dan penyediaan anggaran.

Fasal 34 meletakkan kewajipan pada Lembaga untuk memelihara Kumpulan Wang.

Fasal 35 membenarkan Lembaga untuk membuka dan menyenggara akaun bank.

Fasal 36 membolehkan Lembaga meminjam wang.

Fasal 37 membenarkan Lembaga untuk melaburkan wang Lembaga.

Fasal 38 membenarkan Lembaga untuk menentukan tatacara kewangannya sendiri.

Fasal 39 menyatakan bahawa tahun kewangan Lembaga hendaklah bermula pada 1 Januari dan berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

Fasal 40 menghendaki Lembaga untuk menyimpan akaun Kumpulan Wang dan laporan aktiviti Lembaga yang sepatutnya. Lembaga dikehendaki untuk mengemukakan penyata akaun dan penyata aktiviti untuk disahkan oleh Ketua Audit Negara dan suatu salinan Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun kewangan hendaklah dihantar kepada Menteri yang kemudiannya akan menyebabkan penyata dan laporan itu dibentangkan di hadapan kedua-dua Dewan Parlimen. *Fasal* ini juga memperuntukkan bahawa Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [*Akta 240*] hendaklah terpakai bagi Lembaga.

BAHAGIAN VI

7. Bahagian VI mengandungi peruntukan am.

Fasal 41 memperkatakan alasan bagi rayuan kepada Lembaga Rayuan.

Fasal 42 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Lembaga Rayuan.

Fasal 43 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi tempoh jawatan anggota Lembaga Rayuan.

Fasal 44 memperkatakan mengenai rayuan.

Fasal 45 memperkatakan Jawatankuasa Penyiasat yang dilantik oleh Lembaga dan kuasanya.

Fasal 46 bertujuan untuk mengadakan penalti kerana memperoleh pendaftaran dengan dakwaan palsu, dsb.

Fasal 47 bertujuan untuk mengadakan peruntukan indemniti bagi apa-apa perbuatan atau peninggalan yang dilakukan dengan suci hati dalam menunaikan fungsi, kuasa dan kewajipan di bawah Akta.

Fasal 48 menyatakan bahawa anggota Lembaga, pekerja dan ejen Lembaga disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan.

Fasal 49 memperkatakan peruntukan yang berhubungan dengan kewajipan untuk mengekalkan kerahsiaan.

Fasal 50 bertujuan untuk memberi Lembaga kuasa, dengan kelulusan Menteri, untuk membuat peraturan-peraturan di bawah Akta.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang ini.